


UNIT
7

TENAGA

INFO RINGKAS

Sumber dan Bentuk Tenaga


- 1 Tenaga ialah keupayaan untuk melakukan kerja.
- 2 Tenaga dapat diperoleh daripada pelbagai sumber.




Matahari




Air




Biojisim



Angin



Bahan api fosil




Nuklear



Ombak


- 3 Terdapat pelbagai bentuk tenaga di sekeliling kita.



Tenaga suria




Tenaga haba




Tenaga cahaya




Tenaga bunyi




Tenaga elektrik




Tenaga kimia



Tenaga kinetik



Tenaga keupayaan




Tenaga nuklear





Bentuk Tenaga

- 4 Tenaga boleh berubah daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain.



Tenaga kimia → Tenaga kinetik

Tenaga keupayaan → Tenaga kinetik → Tenaga bunyi



Tenaga suria → Tenaga elektrik → Tenaga cahaya

- 5 Tenaga tidak boleh dicipta atau dimusnahkan, tetapi boleh berubah bentuk.

Sumber Tenaga Boleh Dibaharui dan Sumber Tenaga Tidak Boleh Dibaharui

- 1 Sumber tenaga boleh dibaharui ialah sumber tenaga yang boleh dijana secara berterusan.
Contoh: Matahari, ombak, air, angin, biojisim



Tenaga yang Boleh Dibaharui

- 2 Sumber tenaga tidak boleh dibaharui ialah sumber tenaga yang terhad dan tidak boleh dijana semula.
Contoh: Bahan api fosil (arang batu, gas asli, petroleum), bahan nuklear
- 3 Kita perlu berhemat ketika menggunakan tenaga untuk
 - mengelakkan pembaziran tenaga
 - mengurangkan pencemaran alam sekitar